



اَبُو بَكْرٍ مُحَمَّدٌ تَيْبٌ مَوْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban

# BULETIN FAKULTI PERAKAUNAN

Edisi  
6



## Kenangan Umrah Sepuluh Bersaudara: Tidak Mampu Diulang

oleh Noryati Binti Md Noor




Nukilan ini adalah sebagai catatan untuk mengimbas kenangan saya mengerjakan umrah dari 16 November hingga 29 November 2018. Keseluruhan anggota rombongan berjumlah 38 orang terdiri dari dua keluarga dengan ahli keluarga saya adalah seramai 26 orang – sepuluh beradik, empat pasangan dan 12 anak-anak saudara dengan umur yang paling tua 73 tahun dan yang paling muda 15 tahun.

Perancangan rapi serta kesabaran perlu ada bagi menjayakan hasrat abang tertua, yang merupakan ketua keluarga sejak ayah meninggal dunia pada tahun 1976, untuk membawa kesemua adik-adik beliau menunaikan umrah bersama-sama menggunakan hasil dana keluarga peninggalan ibubapa yang telah beliau kumpul bertahun-tahun lamanya. Cabaran utama untuk saya adalah mendapatkan kelulusan bercuti semasa waktu kuliah kerana tiada waktu lain yang sesuai melainkan waktu kuliah minggu 11 dan 12. Alhamdulillah, saya telah memperolehi kebenaran berkenaan. Terima kasih Koordinator Perakaunan, Timbalan Rektor HEA, Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan Naib Canselor UiTM kerana menzahirkan impian kami ke Tanah Suci bersama-sama.

Kami sepuluh beradik, tiga lelaki dan tujuh perempuan, dilahir dan dibesarkan di rumah, seperti di foto di bawah (kiri), yang terletak di Kampung Brisu, Lubok China, Melaka. Rumah ini telah siap dibina pada tahun 1928 berdasarkan inspirasi dari senibina rumah di Muar, tanpa paku-paku sebaliknya papan-papan dipasak dengan kayu. Senibina rumah ini, mengambilkira pencahayaan serta kitaran pengudaraan, menzahirkan suasana yang sejuk, nyaman dan tenang. Tiang-tiang



yang tinggi dibina sebagai persediaan sekiranya banjir. Semasa banjir besar sekitar tahun 1970 sehingga kini, air banjir tidak pernah mencecah kawasan rumah, alhamdulillah. Struktur rumah asal masih kekal sehingga kini walaupun beberapa penambahan telah dibuat sesuai dengan peredaran masa. Foto di bawah (kanan) menunjukkan suasana waktu malam sekitar tahun 2020.



Sebahagian koleksi foto sesi ziarah yang menjadi kenangan.






Terdapat tempat-tempat lain yang telah diziarahi, termasuk Masjid al-Qiblatain (Masjid Dua Kiblat) iaitu sebuah masjid di Madinah yang dipercayai oleh umat Islam sebagai tempat di mana Nabi Muhammad SAW menerima perintah untuk menukar kiblat (arah solat) dari Baitulmaqdis ke Mekah (sumber: Wikipedia); Kota (sejuk) Taif di pinggir Mekah dan yang paling mencabar lawatan ke Jabar Nur serta pendakian ke Gua Hira'



Koleksi foto Pendakian Gua Hira'



Dalam perjalanan ke Jeddah untuk ke lapangan terbang, kesempatan diambil untuk menunaikan



solat di Masjid Ar Rajhi di Hail. Masya Allah, Subhanallah cantik dan kagum dengan senibina masjid hasil sumbangan keluarga Ar Rajhi ini.

Keterujaan dan kegembiraan sepuluh bersaudara ini tidak dapat diulang kerana daripada 26 anggota rombongan berkenaan, tiga telah kembali ke rahmatullah. Daripada sepuluh beradik, kami sudah tinggal lapan beradik.



Semoga roh mereka dicucuri rahmat dan dikumpul bersama orang-orang beriman dan kami akan berjumpa kembali di Jannatul Firdaus. Sayangi ibubapa dan berbaktilah kepada mereka selama-lamanya. Sayangi adik beradik serta sanak-saudara dan hargai mereka serta sentiasa perkukuhkan sillaturahim.

Semoga ada rezeki untuk menjadi tetamu Allah SWT di Tanah Suci bersama-sama suami dan anak-anak, insyaallah.